

26 JUL 1997

KONTRAK HADAPAN KLCI AKAN DINIAGAKAN DENGAN HATI-HATI

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Pelabur-pelabur telah dinasihatkan supaya menceburi dagangan secara berhati-hati dan mengekalkan pegangan lama mereka di Pasaran Hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur sehinggalah ketidaktentuan tentang ringgit diselesaikan.

Sokongan bagi bulan semerta diramalkan pada tahap 1,030 dan rintangan pada 1,050.

Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan Kuala Lumpur (KLOFFE) ditutup lebih tinggi minggu ini kerana situasi matawang telah agak stabil dan ini membantu mendorong minat membeli selanjutnya.

Bulan semerta Julai naik 31.9 mata dan ditutup pada 1,040.1, bulan berdekatan Ogos melonjak 36.1 mata kepada 1,041.0 manakala bulan-bulan suku tahunan September dan Disember masing-masing ditutup pada 1,046.1 dan 1,059.1.

Jumlah dagangan meningkat kepada 6,415 lot daripada 4,235 lot minggu lalu manakala kedudukan pembukaan ialah 4,264 kontrak berbanding 3,954 kontrak.

Prestasi yang lebih baik di Wall Street dan juga di pasaran tunai membantu merangsang dagangan hadapan. Wall Street mencatat satu rekod baru penutupan bagi tiga hari berturut-turut, dan sekali lagi menembusi tahap 8,000 setelah pengerusi Rizab Persekutuan Alan Greenspan mengurangkan kebimbangan tentang kenaikan awal kadar faedah.

Sementara itu, Bursa Saham Kuala Lumpur melaporkan kenaikan bagi tiga hari berturut-turut sebelum kegiatan mengambil untuk muncul di pasaran. Indeks Komposit pasaran tunai berjaya menembusi tahap rintangan 1,050 mata sebelum ditutup pada 1,041.26.

Kepulangan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad ke tanah air dan amaran kerasnya terhadap spekulator "penyangak" telah meningkatkan keyakinan pelabur di pasaran hadapan dan juga pasaran tunai.

Dengan penurunan kadar faedah dan ringgit yang lebih stabil, pembeli-pembeli terpujuk untuk kembali ke pasaran untuk mendapatkan keuntungan segera dan dagangan pulih seperti sediakala.

Di KLOFFE, belian tertumpu kepada kontrak bulan semerta dan kekuatan pasaran ternyata pada premium yang lebih luas di antara harga-harga kontrak hadapan dan harga-harga di pasaran tunai.

Cadangan-cadangan dibuat kepada pelabur-pelabur untuk membeli ketika sentimen lemah kerana arah aliran menaik pasaran masih belum terjejas. Sebarang kegiatan mengambil untung dijangka sementara, apabila asas-asas pasaran meningkat. BERNAMA

SHO KY MA